

Usul menentang perbuatan menghasut kebencian dan diskriminasi: dokumen ringkasan

Kandungan

Enam usul.....	3
Apakah itu ucapan menghasut?.....	5
Ucapan menghasut menyebabkan kemudaratan	5
Undang-undang semasa.....	5
Hak kebebasan bersuara dilindungi tetapi tertakluk pada had yang munasabah	6
Masalah telah dikenal pasti dengan undang-undang semasa	7
Pertimbangan Perjanjian Waitangi	7
Soalan untuk maklum balas mengenai usul tersebut	7
Apakah yang boleh anda lakukan sekiranya anda mengalami ucapan atau tingkah laku yang berbentuk kebencian?	9
Maklumat lanjut.....	9

Te Tāhū o Te Ture - Kementerian Kehakiman (Kementerian) ingin mendapatkan maklum balas anda mengenai enam usul untuk mengubah undang-undang yang berkaitan dengan perbuatan menghasut kebencian dan diskriminasi.

Akta Hak Asasi Manusia 1993 melarang pertuturan yang menimbulkan (memprovokasi) ketidakharmonian kaum. Ini juga melarang diskriminasi terhadap seseorang kerana ciri identiti mereka.

Selepas tinjauan oleh Kementerian Kehakiman dan cadangan daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai serangan pengganas di Masjid Christchurch pada 15 Mac 2019, Kerajaan mengusulkan perubahan untuk memperkuat dan memperjelaskan perlindungan ini.

Kerajaan juga mengusulkan dua perubahan perundangan lebih lanjut terhadap peruntukan diskriminasi secara lebih luas.

Aotearoa New Zealand ialah sebuah negara yang pelbagai. Kerajaan ingin memperkukuhkan perpaduan sosial dan menjadikan Aotearoa New Zealand selamat untuk semua orang. Perkara ini dapat disokong dengan meningkatkan perlindungan terhadap ucapan yang menimbulkan kebencian, dan perlindungan terhadap diskriminasi.

Kebebasan bersuara ialah nilai penting di Aotearoa New Zealand. Ini merupakan sebahagian daripada Akta Rang Undang-undang Hak Asasi New Zealand 1990, selain kebebasan daripada diskriminasi. Perubahan undang-undang yang diusulkan bertujuan untuk melindungi hak-hak ini dengan lebih baik, termasuk memastikan bahawa orang yang mengalami ucapan kebencian dapat mengekspresikan diri dengan bebas. Akta Rang Undang-undang Hak Asasi membenarkan had yang wajar ke atas hak, seimbang dengan hak dan kepentingan orang lain.

Kerajaan telah bersetuju secara prinsip terhadap semua enam usul. Ini bermaksud Kerajaan berpendapat bahawa perubahan tersebut ialah idea yang baik tetapi ingin mengetahui sama ada ia memenuhi jangkaan masyarakat sebelum membuat keputusan muktamad dan mengusulkan perundangan untuk mengubah undang-undang. Usul ini boleh diubah berdasarkan maklum balas yang diterima.

Usul tersebut disenaraikan di bawah. Secara ringkasnya, ia bertujuan untuk:

- meningkatkan kumpulan yang dilindungi oleh peruntukan perbuatan menghasut
- memperjelaskan tingkah laku yang dilarang oleh undang-undang dan meningkatkan akibat melanggar undang-undang
- meningkatkan perlindungan terhadap diskriminasi yang lebih luas.

Anda boleh mendapatkan latar belakang yang lebih terperinci mengenai undang-undang semasa, usul perubahan dan alasannya di dalam dokumen perbincangan lengkap: *Usul menentang perbuatan menghasut kebencian dan diskriminasi* boleh didapati di www.justice.govt.nz/proposals-against-incitement-of-hatred-and-discrimination.

Kami ingin mendengar pandangan anda

Kerajaan ingin mengetahui maklum balas (penyerahan) anda untuk membantu memutuskan sama ada perlu membuat perubahan yang diusulkan, atau mengubah sebahagian daripadanya, atau mengambil tindakan yang lain.

Penyerahan dibuka dari 25 Jun hingga 6 Ogos 2021. Anda boleh membuat penyerahan melalui laman web Citizen Space <https://consultations.justice.govt.nz>, melalui e-mel humanrights@justice.govt.nz, atau melalui pos kepada Hak Asasi Manusia, Kementerian Kehakiman, SX10088, Wellington.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai proses penyerahan, termasuk maklumat mengenai kerahsiaan dan maklumat peribadi, sila rujuk dokumen perbincangan di laman web kami: www.justice.govt.nz/proposals-against-incitement-of-hatred-and-discrimination

Sila lihat halaman 6 dalam Dokumen perbincangan untuk perincian mengenai kerahsiaan dan maklumat peribadi. Anda perlu membaca perkara ini sebelum menyerahkan maklum

Enam usul

<p><i>Usul Satu: Ubah bahasa dalam peruntukan perbuatan menghasut dalam Akta Hak Asasi Manusia 1993 untuk melindungi lebih ramai kumpulan yang menjadi sasaran ucapan kebencian.</i></p>	<p>Peruntukan perbuatan menghasut semasa hanya terpakai untuk ucapan yang disasarkan kepada suatu kumpulan disebabkan warna kulit, kaum, asal usul etnik atau bangsa mereka. Kumpulan lain juga menjadi sasaran ucapan kebencian, termasuk kumpulan berdasarkan agama, jantina, seksualiti dan kelainan upaya mereka. Usul ini akan mengubah undang-undang untuk diterapkan juga jika perbuatan menghasut kebencian dilakukan terhadap suatu kumpulan disebabkan oleh ciri-ciri yang lebih luas. Ini termasuk beberapa, atau semua, alasan diskriminasi yang dilarang lain dalam seksyen 21 dalam Akta Hak Asasi Manusia (bahagian ini dinyatakan dalam Lampiran Satu dalam Dokumen Perbincangan). Kami ingin mendapatkan pandangan mengenai kumpulan yang harus dilindungi oleh perubahan ini. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Dokumen Perbincangan pada halaman 17.</p>
<p><i>Usul Dua: Gantikan peruntukan jenayah sedia ada dalam Akta Hak Asasi Manusia 1993 dengan kesalahan jenayah baharu dalam Akta Jenayah 1961</i></p>	<p>Ini bermaksud seseorang yang dengan sengaja menghasut, membangkitkan, mempertahankan atau menormalkan kebencian terhadap sekumpulan individu tertentu akan melanggar undang-undang jika mereka melakukannya dengan cara mengancam, mencaci atau menghina, termasuk dengan menghasut keganasan. Undang-undang ini diterapkan tidak kira cara mereka</p>

<p><i>yang lebih jelas dan berkesan.</i></p>	<p>membuat ancaman atau cacian, sama ada secara lisan, bertulis atau dalam talian. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kumpulan yang harus dilindungi, lihat Usul Satu. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Dokumen Perbincangan pada halaman 18.</p>
<p><i>Usul Tiga: Tingkatkan hukuman bagi kesalahan jenayah untuk menggambarkan keseriusannya dengan lebih baik.</i></p>	<p>Hukuman semasa ialah penjara hingga tiga bulan atau denda hingga \$7,000. Usul tersebut adalah meningkatkan hukuman kepada penjara hingga tiga tahun atau denda hingga \$50,000. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Dokumen Perbincangan pada halaman 19.</p>
<p><i>Usul Empat: Ubah bahasa peruntukan perbuatan menghasut sivil agar sesuai dengan perubahan yang dibuat terhadap peruntukan jenayah.</i></p>	<p>Ini akan menambah 'menghasut/membangkitkan, mempertahankan atau menormalkan kebencian' bersama dengan pengungkapan yang ada dalam peruntukan sivil (seksyen 61). Kami juga mengalu-alukan maklum balas mengenai cara lain peruntukan ini dapat diperbaiki. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Dokumen Perbincangan pada halaman 21.</p>
<p><i>Usul Lima: Ubah peruntukan sivil agar menjadikan 'perbuatan menghasut untuk mendiskriminasi' melanggar undang-undang.</i></p>	<p>Undang-undang akan berubah supaya seseorang dilarang daripada menghasut atau membangkitkan orang lain untuk melakukan diskriminasi terhadap mana-mana kumpulan, disebabkan ciri yang dilindungi oleh peruntukan perbuatan menghasut kebencian (lihat Usul Satu). Ini membolehkan seseorang mengadu kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia mengenai tingkah laku sebegini. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Dokumen Perbincangan pada halaman 22.</p>
<p><i>Usul Enam: Tambah dalam alasan diskriminasi dalam Hak Asasi Manusia untuk menjelaskan bahawa golongan trans, kepelbagaian gender dan interseks dilindungi daripada diskriminasi.</i></p>	<p>Pada masa ini, mendiskriminasi orang kerana jantina mereka adalah melanggar undang-undang. Kerajaan berpendapat bahawa ini termasuklah diskriminasi disebabkan identiti atau ekspresi gender, ciri-ciri seks atau status interseks seseorang. Usul ini mencadangkan agar undang-undang lebih jelas mengenai perkara ini. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Dokumen Perbincangan pada halaman 23.</p>

Apakah itu ucapan menghasut?

'Ucapan kebencian' ialah istilah luas yang tidak digunakan dalam undang-undang Aotearoa New Zealand. Ia secara umum ditakrifkan sebagai ucapan yang menyerang seseorang atau kumpulan berdasarkan ciri umum, seperti etnik, agama atau seksualiti.

Enam usul di atas berkaitan secara khusus dengan ucapan yang menghasut kebencian terhadap suatu kumpulan. Ucapan yang menghasut kebencian ialah ucapan cacian atau mengancam yang membangkitkan permusuhan terhadap suatu kumpulan (berbanding ditujukan kepada seseorang) berdasarkan ciri yang dikongsi bersama. Inilah sebabnya kita membincangkan tentang 'ucapan menghasut', 'perbuatan menghasut kebencian' dan 'peruntukan perbuatan menghasut'.

Usul ini tidak melihat bentuk jenayah kebencian yang lain. Maklumat lanjut mengenai usaha lain yang berkaitan yang tidak terangkum dalam usul ini boleh didapati dalam Dokumen Perbincangan pada halaman 25.

Ucapan menghasut menyebabkan kemudaratan

Ucapan yang menghasut kebencian menyebabkan kemudaratan yang besar. Ia memberi kesan negatif kepada masyarakat yang menjadi sasaran kepada kebencian, dan akhirnya dapat menimbulkan keganasan. Menghasut kebencian merosakkan masyarakat kita dengan menimbulkan perasaan benci dan menghalang kemasukan sosial. Ia boleh menyebarkan rasa tidak percaya dan perpecahan antara semua komuniti kita di seluruh Aotearoa New Zealand.

Meningkatkan perlindungan terhadap perbuatan menghasut kebencian akan menggalakkan masyarakat yang lebih selamat dan memperkuat pandangan masyarakat kita bahawa tingkah laku sebegini adalah memudaratkan.

Menghasut kebencian juga dilarang di bawah perjanjian hak asasi manusia antarabangsa. Oleh itu, mengubah undang-undang ini akan membantu kita memenuhi tanggungjawab hak asasi manusia antarabangsa.

Undang-undang semasa

Akta Hak Asasi Manusia 1993 mengandungi peruntukan jenayah dan peruntukan sivil. Sistem undang-undang sivil meliputi pertikaian peribadi antara individu, organisasi dan dalam kes tertentu, kerajaan tempatan atau pusat. Sistem undang-undang jenayah bertujuan untuk mengenal pasti dan melarang kelakuan yang lebih serius atau membawa kemudaratan dengan menghukum mereka yang melanggar undang-undang.

Di bawah peruntukan sivil (seksyen 61), ia mengatakan bahawa adalah melanggar undang-undang untuk menggunakan, menerbitkan, menyiarkan atau menyebarkan perkara bertulis atau menggunakan kata-kata yang:

1. mengancam, kesat atau menghina, dan

2. berkemungkinan menghasut permusuhan atau menghina mana-mana kumpulan berdasarkan warna kulit, kaum, asal usul etnik atau bangsa mereka.

Seseorang boleh membuat aduan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia apabila mereka berpendapat bahawa seseorang telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang.

Peruntukan jenayah (seksyen 131) mengatakan bahawa menghasut ketidakharmonian kaum ialah satu kesalahan jenayah dengan menerbitkan, menyiarkan atau menyebarkan perkara bertulis atau menggunakan kata-kata seperti berikut:

1. mengancam, kesat atau menghina
2. berkemungkinan menghasut permusuhan atau niat buruk, menghina atau memperlekehkan mana-mana kumpulan atas alasan warna kulit, kaum, asal usul etnik atau bangsa, dan
3. bertujuan untuk menghasut permusuhan, niat buruk, penghinaan atau ejekan.

Kesalahan ini boleh dihukum penjara hingga tiga bulan atau denda \$7,000.

Hak kebebasan bersuara dilindungi tetapi tertakluk pada had yang munasabah

Kebebasan bersuara menjadi tonggak masyarakat kita, tetapi tidak bermaksud seseorang mempunyai hak untuk mengatakan apa sahaja yang dia mahu. Seperti semua hak dan kebebasan dalam Akta Rang Undang-Undang Hak Asasi, hak kebebasan bersuara dapat dibatasi oleh undang-undang sedemikian rupa sehingga dapat dibenarkan dalam masyarakat yang bebas dan demokratik.

Peruntukan perbuatan menghasut semasa memperuntukkan had yang wajar ke atas hak kebebasan bersuara. Peruntukan ini membentuk pendekatan seimbang yang mempertimbangkan keseriusan ucapan kebencian terhadap keterukan hukuman yang dijatuhkan. Peruntukan perbuatan menghasut menumpukan kepada ucapan yang akan membuat seseorang percaya bahawa masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik tidak dapat berfungsi secara berkesan. Ucapan sebegini menjadikan antara mereka saling menentang dan mewujudkan jurang antara komuniti.

Undang-undang melarang perbuatan menghasut ini kerana ia tidak bersesuaian dengan hak asasi manusia dan nilai demokrasi Aotearoa New Zealand. Sikap ini berdasarkan idea yang disebabkan oleh ciri bersama (seperti etnik, agama atau seksualiti) kumpulan individu tertentu yang kurang penting berbanding kumpulan yang lain. Mungkin terdapat kepercayaan bahawa kumpulan ini tidak boleh memiliki hak yang sama, dan/atau diperlakukan secara berbeza dan dikecualikan daripada masyarakat yang lebih luas.

Penting untuk ambil maklum bahawa usul tersebut tidak menurunkan ambang untuk jenayah ucapan atau menghalang perbahasan awam mengenai isu-isu penting.

Matlamat usul perubahan undang-undang ini adalah untuk memastikan bahawa hak setiap orang dilindungi, dan setiap orang dapat mengekspresikan diri tanpa rasa takut.

Masalah telah dikenal pasti dengan undang-undang semasa

Kementerian telah melakukan tinjauan undang-undang pada tahun 2019 dan mengenal pasti beberapa masalah. Suruhanjaya Siasatan Diraja meninjau serangan pengganas di Masjid Christchurch pada 15 Mac 2019 dan telah mengenal pasti beberapa masalah dan mengusulkan perubahan.

Tiga perkara penting telah dikenal pasti:

1. Pengungkapan dalam peruntukan jenayah dan peruntukan sivil adalah tidak jelas. Suruhanjaya Diraja mengusulkan untuk menyusun semula pengungkapan bagi peruntukan jenayah.
2. Lebih ramai kumpulan yang terkesan oleh ucapan yang menghasut kebencian berbanding dengan kumpulan yang dilindungi. Peruntukan itu hanya merangkumi bangsa, kewarganegaraan, etnik dan warna kulit. Ini merupakan empat daripada tiga belas 'alasan diskriminasi yang dilarang' yang disenaraikan dalam seksyen 21 dalam Akta Hak Asasi Manusia.
3. Hukuman untuk kesalahan jenayah agak rendah dan tidak mencerminkan keseriusan menghasut kebencian secara sengaja.

Kerajaan sedang mendapatkan maklum balas mengenai enam usul ini untuk mengatasi masalah ini dengan undang-undang semasa.

Pertimbangan Perjanjian Waitangi

Te Tiriti o Waitangi - Perjanjian Waitangi relevan dengan peruntukan perbuatan menghasut dan perlindungan terhadap diskriminasi dalam Undang-Undang Hak Asasi Manusia dan usul secara prinsip ini. Māori merupakan kumpulan yang mengalami ucapan kebencian dan pada masa ini dilindungi oleh peruntukan hasutan atas alasan 'kaum' atau 'asal usul etnik'. Usul ini bertujuan untuk melindungi kumpulan etnik, termasuk Māori, dengan lebih baik daripada ucapan yang menghasut kebencian. Perlindungan akan diperkuat yang mana Māori akan dilindungi oleh mana-mana daripada alasan diskriminasi lain yang dilarang, misalnya yang berkaitan dengan takatāpui (Maori yang dikenali dengan kepelbagaian gender dan seksualiti).

Soalan untuk maklum balas mengenai usul tersebut

Dokumen Perbincangan ini mengandungi soalan umum tentang semua usul tersebut termasuk soalan khusus untuk setiap usul. Soalan-soalan ini disenaraikan di bawah.

Tiga soalan yang boleh anda gunakan sebagai bantuan untuk penyerahan anda berkaitan semua usul ialah:

- Adakah anda melihat terdapat risiko atau akibat yang tidak diingini yang timbul daripada usul tersebut? Sila nyatakan jika ada.
- Adakah anda mempunyai cadangan penambahbaikan untuk usul ini?
- Adakah usul ini mewakili mana-mana isu Perjanjian Waitangi yang selanjutnya berbanding yang disebutkan?

Soalan mengenai Usul Satu:

- Adakah anda bersetuju bahawa memperluaskan peruntukan perbuatan menghasut dengan cara ini akan melindungi kumpulan ini dengan lebih baik?
 - Mengapa atau mengapa tidak?
- Pada pendapat anda, kumpulan yang manakah harus dilindungi oleh perubahan ini?
- Adakah anda berpendapat bahawa terdapat kumpulan yang mengalami ucapan kebencian yang tidak akan dilindungi oleh perubahan ini?

Soalan mengenai Usul Dua:

- Adakah anda bersetuju bahawa mengubah pengungkapan dalam peruntukan jenayah dengan cara ini akan menjadikannya lebih jelas dan lebih mudah difahami?
 - Mengapa atau mengapa tidak?
- Adakah anda berpendapat bahawa usul ini akan merangkumi jenis tingkah laku yang seharusnya melanggar undang-undang di bawah kesalahan baharu?

Soalan mengenai Usul Tiga:

- Adakah anda berpendapat bahawa hukuman ini dapat menggambarkan keseriusan jenayah tersebut?
 - Mengapa atau mengapa tidak?
- Sekiranya anda tidak bersetuju, apakah jenayah yang harus dijadikan perbandingan yang sesuai?

Soalan mengenai Usul Empat:

- Adakah anda menyokong mengubah bahasa ini dalam seksyen 61 (peruntukan sivil)?
 - Mengapa atau mengapa tidak?
- Adakah anda berpendapat bahawa bahagian lain daripada pengungkapan peruntukan sivil semasa harus diubah?

Soalan mengenai Usul Lima:

- Adakah anda menyokong termasuk larangan perbuatan menghasut untuk melakukan diskriminasi dalam seksyen 61?
 - Mengapa atau mengapa tidak?

Soalan mengenai Usul Enam:

- Adakah anda beranggapan bahawa istilah ini sesuai?
- Adakah anda berpendapat bahawa usul ini cukup merangkumi kumpulan yang seharusnya dilindungi daripada diskriminasi di bawah Akta Hak Asasi Manusia?
- Adakah anda mengangga p bahawa usul ini melindungi identiti jantina khusus budaya, termasuk takatāpui?

Apakah yang boleh anda lakukan sekiranya anda mengalami ucapan atau tingkah laku yang berbentuk kebencian?

Sekiranya anda berasa keselamatan anda berisiko, sila hubungi pihak polis. Sekiranya berlaku kecemasan, sila hubungi 111. Sekiranya anda tidak berada dalam bahaya sekarang, sila hubungi 105.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai cara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dapat membantu, sila rujuk: <https://www.hrc.co.nz/enquiries-and-complaints/how-make-complaint/>

Untuk mendapatkan maklumat mengenai gangguan perkauman: <https://www.hrc.co.nz/enquiries-and-complaints/faqs/racially-offensive-comments/>.

Untuk penganiayaan yang berlaku dalam talian: <https://www.netsafe.org.nz/>

Sekiranya anda ingin bercakap dengan seseorang tentang perasaan anda, anda boleh menghubungi atau menghantar SMS ke 1737.

Maklumat lanjut

Anda boleh membaca dokumen perbincangan penuh di: www.justice.govt.nz/proposals-against-incitement-of-hatred-and-discrimination

Maklumat lanjut juga boleh didapati di Te Tāhū o Te Ture – laman web Kementerian Kehakiman: www.justice.govt.nz/proposals-against-incitement-of-hatred-and-discrimination

